





"Meraka ini juga bertindak kurang sopan apabila meletakkan kotak sumbangan di atas tabung milik masjid dengan harapan kutipan meraka dapat dimaksimumkan"
Rahmin



KANAK-KANAK wargo Rohingyo memegang tabung derma di kawasan pintu Masjid Jamek Seberang Jaya.

TABUNG derma dengan label meletakkan di atas tabung jarnek Seberang Jaya.



Melaka

52 Kutip derma ditahan

Seramai 52 individu ditahan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) kerana dikesan melakukan aktiviti menungut derma tanpa kebenaran di pekanrangan masjid di negeri ini tertama pada hari Jumaat sepanjang tahun lalu.

Antara taktik digunakan meletakkan kotak sumbangan di pintu masuk masjid atau meminta sedekah secara langsung daripada jemaah dengan alasan mengumpul dana untuk membangunkan atau memperbaiki madrasah terletak di luar negeri ini.

Ketua Penguat Kuasa JAIM Rahmin Bani berkata, hasil penelitian pihaknya, kegiatan menungut derma di negeri ini dilakukan secara bermusim tertama ketika berlaku bencana alam besar di dalam atau luar negara.

"Pebagai taktik dilakukan penungut derma ini untuk meraih simpati orang awam

sehingga sanggup menggunakan kanak-kanak selain memanipulasikan sesuatu bencana agar tujuan meraka tercapai.

"Secara tidak langsung, perbuatan meraka ini memerangkap jemaah yang hadir untuk memaikan solat Jumaat, kebanyakannya akan terus menyumbang tanpa bertanya," katanya ketika ditemui di Bukit Pahal, di sini.

Beliau berkata, selain bercana, taktik lain digunakan penungut derma berkenaan adalah mengumpul dana membantu umat Islam Palestin dan Rohingya atau wakaf al-Quran kepada madrasah tertentu.

"Meraka ini juga bertindak kurang sopan apabila meletakkan kotak sumbangan di atas tabung milik masjid dengan harapan kutipan meraka dapat dimaksimumkan," katanya.



WARGA asing mengutip derma di masjid sekitar Kuantan.

Kuantan

JAIIP sentiasa pantau masjid, surau

Jabatan Agama Islam Pahang (JAIIP) sentiasa menempatkan pegawai dan anggota pengat kuasanya di beberapa masjid dan surau yang dikenal pasti menjadi 'tubuk' kepada individu tidak bertangungjawab menempatkan tabung untuk mengutip derma tanpa kebenaran.

Timbalan Pengarah JAIIP, Datuk Mohd Ghazali Abd Aziz berkata, rata-rata meraka yang melakukan kutipan derma tanpa kebenaran itu bertindak licik apabila hanya meletakkan tabung di beberapa lokasi strategik sekitar masjid sambil memerhatikan dari jauh.

"Tindakan itu dilakukan untuk mengelak ditahan anggota penguat kuasa JAIIP, jadi meraka hanya letak tabung dan memerhati dari jauh. Bagaimanapun apabila pihak kami melakukan operasi tabung itu terus dirampas.

"Pihak JAIIP memandang serius perkara ini kerana ia bukan saja satu aktiviti yang tidak bertangungjawab, malah menjadikan nama baik persatuan, masjid dan rumah anak yatim yang digunakan individu ini bagi meraih simpati orang ramai," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Mengulas lanjut kegiatan kutipan tabung derma tanpa kebenaran itu, Mohd Ghazali berkata, apabila semakan dilakukan, nama persatuan, masjid dan rumah anak yatim tertera pada tabung derma hanya digunakan individu terbahit dan pihak itu tidak pernah mengeluarkan arahan atau melanduk wakil bagi melakukan kutipan derma.

daripada ditipu pulan ini yang kita tidak sama ada derma atau itu benar bagi pembinaan sekolah atau sebaliknya," katanya.

Ia berkata, pihaknya asa menjalankan aan dan operasi berkala mengesan dan mengambil tindakan adap kumpulan dilihat gupit derma secara am.

Iain itu, katanya, operasi akan di negeti ini mpu di kedai makan golongan peminta na ini akan meletakkan ik atau tabung derma eka di kaunter hayaran ai makan berkenaan.

"Ada yang menadapat kebenaran dan ada yang diletakkan secara haram tanpa surat kebenaran JHEAIPP

"Selitranya pihak berkaitan tidak mempunyai surat kebenaran dan pada pihak berkuasa, ia satu kesalahan dan boleh diambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang mahu menderma perlu bijak dengan melakukannya kepada yang berhak termasuk mengenal pasti kesihatan dan kewujudan sesuatu institusi rumah anak

FAKTA
Orang ramai diminta lebih peka sebelum memberi derma

Yatin, rumah kebajikan serta sekolah agama itu sama ada berdaftar di bawah JHEAIPP dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Katanya, meraka perlu memastikan kumpulan peminta derma ini mempunyai surat kebenaran pihak berkuasa bagi berbuat demikian melalui bersedekah melalui masjid, surau atau peributan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar.



TABUNG diletakkan di pintu masuk masjid.